

Muhamad, Si Cheng dilantik Timbalan Yang Dipertua Dewan

26

UM 21 DEC 1981
KUALA LUMPUR 20 Dis. — Ahli Parlimen Maran, Datuk Muhamad Abdullah dan Ahli Parlimen Senai, Datuk Lim Si Cheng hari ini dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan nama mereka apabila Dewan Rakyat bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

Muhamad dan Lim mendapat sokongan ahli-ahli dewan itu. Mereka berdua menjadi timbalan kepada Tun Mohamed Zahir Ismail.

Muhamad ialah bekas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri manakala Lim merupakan bekas Setiausaha Politik Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Sementara itu, ahli-ahli Dewan Rakyat bergambar beramai-ramai di Dewan Bankuasi Bangunan Parlimen.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor ditempatkan di kerusi paling hujung di barisan depan kerana kedudukannya sebagai ketua pembangkang.